

Headline	Subjek alam sekitar dicadangkan di sekolah Wan Junaidi		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	21 Feb 2017	Color	Black/white
Section	News	Circulation	45,554
Page No	14	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	189 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 613
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,839



Subjek alam sekitar dicadangkan di sekolah: Wan Junaidi

KUALALUMPUR: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bercadang memperkenalkan subjek pengajian alam sekitar disekolah, kata Menteri-nya Dato Sri Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata kementerian itu akan mengadakan perbincangan bersama Kementerian Pendidikan mengenai cadangan tersebut agar generasi muda lebih peka mengenai alam sekitar dan pencemaran.

“Kementerian serius dalam menangani pencemaran alam sekitar dan satu daripada cara yang sangat berkesan ialah menerusi pendidikan awal di sekolah,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Simposium Inovasi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar 2017 di sini, semalam.

Pada majlis itu, Wan Junaidi menyaksikan pemeteraian tiga Memorandum Persefahaman antara Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan tiga syarikat.

Tiga syarikat itu ialah Buminiche Trading Sdn Bhd (jalinan kerjasama penyelidikan dalam bidang pembangunan buluh untuk pembinaan), Kanger International Bhd dan Transwater Tenaga Sdn Bhd (jalinan kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan gaharu).

Dalam pada itu, Wan Junaidi berkata kementerian akan menjalinkan kerjasama dengan kerajaan Selangor bagi mencari penyelesaian dalam meningkatkan kualiti air Sungai Gombak dan Klang menjadi tahap Kelas Satu (Ta-

hap Terbaik).

“Buat masa ini tahap kualiti air sungai terabit masih di kelas kedua. Pencemaran sungai ini banyak berpunca daripada tindakan atau budaya masyarakat sendiri yang membuang sampah ke sungai tersebut.

“Tahap kesedaran masyarakat mengenai pemeliharaan alam sekitar terutama sungai masih rendah,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam akaun Facebooknya semalam yang meluahkan kebimbangannya mengenai pencemaran tidak terkawal.

Perdana Menteri berkata pencemaran tidak terkawal telah membawa kesan kepada sungai kita dan pembangunan juga telah mengurangkan daya

tarikan kawasan persekitaran ini, sehinggakan ada laporan bahawa tidak sesuai berjalan di sepanjang tebing sungai.

Justeru, Wan Junaidi berkata beliau akan mengadakan perbincangan dengan pihak Indah Water Konsortium Sdn Bhd apakah kaedah yang terbaik untuk membersihkan sungai, antaranya termasuk penggunaan peralatan teknologi baharu.

Selain itu, kementerian juga bercadang bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menyelesaikan membersihkan sungai di seluruh negara, katanya. — Bernama